From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 30 June, 2022 11:03:58 AM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Subject: NAIB CANSELOR SUNTIK INSPIRASI KEJAYAAN

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

30 JUN 2022 / 30 ZULKAEDAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

NAIB CANSELOR SUNTIK INSPIRASI KEJAYAAN



UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah menyuntik inspirasi kejayaan kepada para pelajar sekolah daerah Kubang Pasu sempena Program Didik Kasih @ UUM-

ICU (Nasihat Buat Anak Bangsa Malaysia) yang berlangsung di Dewan Seminar Pusat Islam, UUM, semalam.

Antaranya, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Baru Sintok, SMK Hosba, SMK Changlun; SMK Paya Kemunting, SMK Pulau Nyior dan SMK Bandar Bukit Kayu Hitam.

“Hari ini saya seorang profesor dan naib canselor tetapi 40 tahun dulu saya sama seperti anakanda yang hidup susah dan menjadi yatim ketika usia 13 tahun.

“Siapa hidup susah, sebenarnya Allah sedang tarbiah atau didik untuk jadi orang yang berjaya jadi jaga hubungan dengan Allah,” ujarnya.

Haim berkongsi sisi kehidupan semasa kecil yang diuji dengan pelbagai dugaan dan pancaroba yang memberinya inspirasi dan suntikan semangat untuk bangkit berjuang habis-habisan bagi mengubah nasib keluarga.

“Rumah saya rumah terakhir yang masuk elektrik dan air paip, ibu ayah saya miskin. Pernahkah saya menyesalinya? Tidak. Saya akan berjuang habis-habisan dan buat mak bangga.

“Ketika bermunajat dengan linangan air mata saya tertanya-tanya, mengapa diuji begini? Saya memohon supaya diberi satu peluang untuk berjaya. Air mata gugur bukan tanda lemah. Saya berusaha untuk jadi orang berjaya.

“Selepas kematian ayah, mak tempat kami sekeluarga bergantung. Mak wanita tabah yang memiliki semangat juang yang tinggi dalam membesarkan anak-anak untuk menjadi manusia yang berguna.

“Kehebatan mak hanya bersandar pada Allah. Mak terlalu susah sepanjang 40 tahun sehingga saya tak sanggup lihat mak susah lagi dan berjanji akan mengubah nasib keluarga suatu hari nanti.

“Kalau kita anak orang susah ibarat kais pagi makan pagi, kita tidak perlu kekuatan material. Apa yang perlu kekuatan dalaman atau jati diri. Jika orang tidak beri peluang, terus berusaha belajar bersungguh-sungguh untuk membuktikan kita boleh berjaya.

“Hidup ini sukar tapi jangan mengalah. Terus berusaha penuh semangat untuk jadi pembela atau kita mahu meneruskan kemiskinan yang diwarisi ibu ayah,” pesannya di hadapan para pelajar berkenaan.

Ujarnya, untuk menjadi orang berjaya bukan mudah terutamanya seseorang yang datang daripada keluarga susah yang mana orang tidak pandang dan tidak kisah.

Berkongsi formula kejayaan katanya, beliau menyeru pelajar menyantuni ibu ayah, menjaga sembahyang, jangan pernah putus harap dengan Allah dan fokus dalam pelajaran.

“Bila berjaya, buatlah kebaikan. Berkhidmat pada ibu ayah dan kalau masih ada ibu ayah jangan buat mereka sedih,” katanya.







Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.